

Manifestasi Dunia Maritim dalam Karya Kesusasteraan Melayu

Manifestation of the Maritime World in Malay Literature

Shamsudin Othman, Halis Azhan Mohd Hanafiah, Muhammad
Zarif Hassan

Department of Humanities and Language Studies, Faculty of Educational Studies, Universiti
Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia
Corresponding Author Email: s_shamsudin@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i12/24267>

DOI:10.6007/IJARBSS/v14-i12/24267

Published Date: 23 December 2024

Abstrak

Kajian ini menyorot teks sastra yang bermanifestasi maritim alam Melayu terhadap sumbangannya kepada dunia kesusasteraan Melayu. Umumnya, teks sastra maritim adalah konotasi lain kepada kisah laut dan kepulauan Melayu yang ditakhluki (dikuasai) oleh air. Hal ini bermakna, teks sastra Melayu mempunyai hubungan dan sumbangan penting kepada dalam ruang lingkup perkembangan budaya, politik, sosial, bahasa dan kesusasteraan Melayu. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk memaparkan sejauh mana penghayatan dan pengalaman pengarang melihat kehadiran unsur laut dan perkaitan makna dengan pemikiran Melayu yang digambarkan dalam karya Melayu tradisional mahupun moden. Penulisan menggunakan pendekatan analisis dokumen dan kepustakaan dengan penekanan kepada aspek semantik dan sosiologi sastra. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pengarang Melayu amat jelas tidak dapat memisahkan persoalan dan pemikiran mereka dengan alam maritim sama ada dipaparkan sebagai metafora, personifikasi mahupun citra dalam karya. Pantun, peribahasa dan karya prosa Melayu didapati menjadi indah pengucapannya apabila alam maritim berjaya menjadi manifestasi yang segar dalam karya sastra.

Katakunci: Manifestasi Maritim, Sosiologi Sastra, Tamadun Melayu, Pemikiran, Dan Akal Budi

Abstract

This study highlights literary texts that manifest the maritime aspects of the Malay world and their contributions to the realm of Malay literature. Generally, maritime literary texts are another connotation for the tales of the sea and the Malay Archipelago dominated by water.

This implies that Malay literary texts hold significant connections and contributions within the scope of Malay cultural, political, social, linguistic, and literary development. Specifically, this study aims to demonstrate the extent of the appreciation and experiences of authors in perceiving the presence of sea elements and their association with Malay thought as depicted in both traditional and modern Malay works. The writing employs a document and literature analysis approach, with a focus on the semantic and sociological aspects of literature. The study findings reveal that Malay authors clearly cannot separate their themes and thoughts from the maritime realm, whether depicted as metaphor, personification, or imagery in their works. Malay poetry, proverbs, and prose are found to be beautifully expressed when maritime elements successfully manifest as a fresh presence in literary works.

Keywords: Maritime Manifestation, Sociology of Literature, Malay Civilization, thought, and Wisdom.

Pengenalan

Pertanyaan tentang apakah hubungan maritim dengan mauduk bahasa dan kesusasteraan Melayu sehingga hal ini begitu penting untuk diperkatakan. Persoalan ini dijadikan tema kerana dunia maritime (laut atau perairan) dan kepulauan bukan sahaja terkait dengan bidang sosiobudaya, agama, ekonomi mahupun politik tetapi lebih luas cakupan maknawinya ialah ketersiratan fungsi bahasa dan sasteranya. Dunia laut dilihat sangat dominan dalam pemikiran orang Melayu dan hal ini dapat diperhalusi daripada pernyataan hati nurani sebagai satu wilayah rindu bangsa yang sangat indah. Hal ini asasnya dapat dilihat dalam pantun, syair, gurindam dan mahupun teks prosa yang lebih dinamis sifatnya.

Harun (2018), menjelaskan bahawa dunia maritim di alam Melayu digerakkan dengan kemunculan perahu, iaitu sejenis alat pengangkutan air yang penting semenjak zaman prasejarah hingga ke zaman pacsamoden (kini). Berdasarkan data arkeologi, fenomena kemunculan perahu telah menyerlahkan aktiviti laut di alam Melayu dan gugusan wilayah kepulauannya. Perahu sebagai citra kehebatan kreativiti mencipta (pembuatan kapal), pelayar, pedagang dan pengembara, seperti yang termaktub dalam sumber teks kesusasteraan Melayu klasik menunjukkan peripentingnya ia sebagai sejenis alat 'penyambung nyawa' tamadun bangsa. Dalam hal ini, perahu bukan hanya digunakan oleh masyarakat biasa atau golongan pedagang malahan turut digunakan oleh golongan atasan dalam perbagai sarana tujuan kehidupan.

Kajian-kajian daripada sumber akademik sebelum ini turut menyatakan kepentingan perahu dalam masyarakat Melayu sebagai pembuka ruang masyarakat Melayu berhubung dengan dunia luar. Secara tidak langsung perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa kemunculan perahu telah mengubah pola kehidupan dan sosio budaya masyarakat terhadap kebijaksanaan Melayu daripada sekecil-kecil kenderaan laut hingga ke sebesar-besarnya, iaitu yang disebut 'jong' atau 'bedar' dengan mengambil contoh yang termaktub dalam teks *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* bahawa alam Melayu telah memiliki 'Mendam Berahi', sebuah kapal besar yang digambarkan dalam peristiwa kerajaan Melaka ke Jawa bagi mengahwini Puteri Majapahit bernama Raden Galuh Cendera Kirana. Kehebatan dan besarnya 'Medam Berahi' ini dikatakan lima kali lebih besar daripada kapal perang Portugis. Malah di tangan Hang Tuah, 'Medam Berahi' turut dikatakan sangat gagah menguasai samudera Timur (Shaffer, 1996).

Mukadimah ini memperlihatkan kepada kita bahawa, tamadun Melayu merupakan bangsa yang hebat dan sangat bermaruah. Ketuanan Melayu itu terbukti pernah berada di puncak sejarah dunia. Bangsa Melayu dikenali sebagai pelaut yang handal sehingga sejarah merakamkan kisah Panglima Awang atau turut dikenali sebagai Enrique yang menjadi sebahagian watak penting dalam pelayaran Ferdinand d'Magellan mengelilingi dunia pada abad ke-15 dan 16 (Ahmad, 2003).

Sedar atau tidak, secara alaminya, masyarakat perairan Nusantara sejak 1,500 tahun dahulu sangat dinamik sifatnya. Komposisi masyarakat maritim terdiri daripada penduduk tempatan, Orang Laut dan para pedagang dari luar yang menjalankan aktiviti perdagangan dan kelautan. Fenomena ini telah mengalami proses transformasi sosiobudaya, politik dan ekonomi masyarakat agraria yang pola penempatan awalnya mengamalkan budaya paleolitik, mesolitik/hoabinh atau neolitik. Perubahan drastik ini telah menukar lanskap agraria ini kepada masyarakat maritim. Secara tidak langsung memang terdapat beberapa kelebihan yang diperolehi oleh masyarakat ini berbanding dengan mereka yang masih tinggal di kawasan pedalaman atau daratan (Hamzah & Hassan, 2011).

Perubahan drastik itu akhirnya berjaya menjadikan masyarakat maritim mempunyai peranan sebagai orang tengah antara pedagang-pedagang asing dengan masyarakat di pedalaman. Aktiviti perdagangan yang sudah wujud beribu tahun terjalin antara mereka membolehkan keperluan barangan seperti rotan, damar, kayu cendana, gading gajah, rempah dan keperluan hasil hutan yang lain berpindah struktur aktiviti. Hal yang sama turut berlaku dalam perkembangan bahasa dan sastera, iaitu pertembungan dan penyerapan bahasa terus memperkaya kosa kata (perbendaharaan) dalam bentuk linguistik mahupun wacana sastera itu sendiri.

Sosiologi Sastera

Satu jalur pemahaman 'sosiologi sastera' dalam sastera Melayu moden dapat dilihat pada tulisan yang menjelaskan bahawa 'sosiologi sastera' sebagai gambaran masyarakat seperti yang diserlahkan oleh karya. Penekanan bahawa sastera menjadi gambaran masyarakat memang sering didengar. Sehubungan ini, selain daripada pernyataan umum seperti "sastera adalah cerminan masyarakat" atau "sastera adalah terjemahan realiti masyarakat" dan ungkapan lain yang seumpamanya, kajian ini menjelaskan teori sosiologi sastera dapat difahami apabila persekitaran dan kehidupan itu dapat dibuktikan mempunyai pertautan realiti.

Hashim Awang dalam buku *Sosiologi Sastera* (DBP, 2008), menjelaskan bahawa sosiologi sastera adalah cabang ilmu yang mempelajari hubungan antara sastera dan masyarakat. Ia mengkaji bagaimana konteks sosial, budaya, ekonomi, dan politik mempengaruhi penciptaan, penyebaran, dan penerimaan karya sastera. Dalam sosiologi sastera, penulis dan pembaca dianggap sebagai produk dan pengaruh masyarakat yang lebih luas. Beberapa aspek yang sering dikaji dalam sosiologi sastera termasuk:

- 1) Konteks Sejarah: Memahami latar belakang sejarah yang mempengaruhi karya sastera.
- 2) Kelas Sosial: Mengkaji bagaimana kelas sosial, gender, dan etnisitas mempengaruhi tema dan representasi dalam sastera.
- 3) Fungsi Sosial: Meneliti peranan sastera dalam membentuk pandangan dunia, norma, dan nilai masyarakat.

- 4) Penerimaan Karya: Menganalisis bagaimana masyarakat menerima dan menanggapi karya sastra berdasarkan konteks sosial mereka.

Dengan demikian, sosiologi sastra bertujuan membantu khalayak sastra memahami sesuatu yang tersurat dan tersirat sehingga bagaimana ia dapat diterima oleh masyarakat. Pengkaji kritikan sastra Melayu moden melihat sosiologi sastra menjelaskan bahawa gambaran masyarakat seperti yang tertera dalam teks adalah satu bentuk kajian yang paling dominan, menarik dan sesuai dengan semua tahap lapisan kerana mudah difahami serta dapat digambarkan secara logik. Dalam konteks yang lain, ilmu 'sosiologi' sastra dilihat mempunyai persekitaran yang sangat akrab dengan alam sekeliling dan menjadi antara wacana yang dapat membantu penyebaran ilmu secara lebih berkesan kerana teks sastra sebagai data kajian dianggap lengkap, mencukupi dan sewajarnya dapat menggambarkan realiti masyarakat sebenar khususnya terhadap kajian struktural (Hassan, 1995).

Bertolak daripada kekuatan sosiologi sastra, kajian ini dapat membuktikan bahawa pengarang tidak dapat lari daripada tuntutan sosial, iaitu karya sastra adalah satu teks yang memperlihatkan aktiviti masyarakat yang amat peribadi sifatnya, yang hanya melibatkan penulis dengan bakat dan imajinasinya, sementara faktor-faktor lain seperti sejarah, iklim intelektual, cita rasa sastra yang dominan yang mengelilingi penghasilan karya tersebut menjadi penguat kepada proses penciptaan karya. Oleh itu, kerana sifat penghasilannya yang peribadi itulah karya kreatif ini memperagakan seni sebagai keunikannya (Sikana, 2005).

Maritim Dalam Dunia Kesusasteraan Melayu Lama

Gugusan kepulauan Melayu yang lebih mesra dengan istilah Nusantara dikatakan oleh sarjana Barat sebagai bangsa yang sangat akrab dengan laut, iaitu masyarakat yang hidup sebagai nelayan, pelaut, nakhoda, pedagang, seniman, karyawan, sasterawan, pendekar, pakar pembuat kapal, nujum/ bomoh laut, mahupun lanun. Kepulauan yang merentasi beberapa buah negeri di antaranya ialah Vietnam, Laos, Thailand, Myanmar, Malaysia, Filipina, Brunei, Kemboja, Singapura dan Indonesia ini secara realiti geografi merupakan satu wilayah yang dipisahkan oleh banjaran, sungai besar, teluk, selat dan laut. Wilayah dikenali oleh penjajah barat sebagai *The Malay Archipelago* (Marsden, 1812: i) telah dapat menyumbang kepada kemunculan dan kebangkitan pelbagai etnik, kerajaan, aktiviti ekonomi dan sifat-sifat budaya yang tersendiri sehingga kepelbagaian ini menjadi satu daya tarikan unik untuk dijadikan bahan kelangsungan akademik kerana sifat-sifat istimewa yang diwakilinya.

Sifat kedinamikan ini secara tersiratnya telah tergambar dalam banyak karya sastra lisan. Bahasa dan sastra menjadi alat yang meresap dan menyebati dalam fikrah masyarakat Melayu ketika itu. Mantera, pantun, syair, nazam, berzanji, talibun, dan sebagainya mula popular dalam kalangan masyarakat khusus ketika berlangsungnya sesuatu majlis berunsur keagamaan atau adat. Kehadiran sastra lisan ini penting dalam aspek hubungan alam dengan manusia dan manusia dengan sesama sendiri (Osman, (2011). Pantun Melayu yang menjurus kepada maksud bahawa untuk memesrai, mengarifi laut seseorang itu perlu memiliki ilmu alam yang tinggi turut terhasil akibat daripada fitrah itu. Hal ini bermakna, laut bukan satu khazanah alam yang boleh diperkecilkan kewujudannya, malah turut dapat menentukan taraf sosial penggunaanya. Perhatikan rangkap pantun di bawah;
Kalau **mengail** di **lubuk** dangkal,

Dapat **ikan** penuh **seraga**;
Kalau **kail** panjang sejengkal,
Jangan **lautan** hendak diduga.

Pohon **berembang** daunnya hijau,
Tempat kelip malam melayang;
Jika ingin menawan **pulau**,
Ilmu **laut** perlu terbilang.

(Zainal Abidin Ahmad, 1984: 179)

Diksi yang terkait dengan laut dalam pantun ini jelas memaparkan manifestasi alam Melayu khususnya tentang dunia maritim sebagai satu khazanah ciptaan Tuhan yang perlu diperhalusi secara fitrah akal bagi memahami lanskap penduduk dan etniksiti masyarakatnya terhadap sistem sungai, tanah pamah, pinggir pantai serta kepulauan yang membentuk sifat kehidupan, politik dan budaya masyarakat berkembang.

Rantau wilayah kepulauan Melayu yang terbangun oleh kepelbagaian sumber turut mempengaruhi pemikiran dalam watak dan pekerti bangsa Melayu. Oleh itu, tidak hairanlah jika latar maritim itu menjadi refleksi indah, menarik, rindu dan cinta yang menyuburkan kekaguman idea dalam tanggapan dan pemikiran peradaban Melayu.

Kearifan Melayu dalam aspek komunikasi tidak bersandar kepada pantun sahaja, malah dapat dikesan sedari awal melalui falsafah yang dicerna dan dijelmakan dalam peribahasa. Keindahan garapan gugusan kata-kata itu dapat menyimpulkan kebijaksanaan dalam kesiratan makna yang luas pengertiannya. Peribahasa yang bertitik-tolak daripada alam kelautan, sungai dan pesisir itu dilihat berjaya memanfaatkan pengajaran, petua dan pedoman penting kepada kehidupan harian waima kesejahteraan sepanjang zaman (Umur Junus, 1986). Peribahasa Melayu ini merupakan keunggulan pemikiran halus dan sangat sensitif dalam hubungannya dengan konteks sosiobudaya. Antara pengamatan dan keindahan peribahasa yang boleh dijadikan pegangan ialah;

- i. benih yang baik jatuh ke **laut** menjadi **pulau**
- ii. air tawar secawan jika dituang ke **laut**; takkan dapat menghilangkan masinnya
- iii. sekali **air pangang** sekali **pantai** berubah
- iv. **laut** mana tak dilambung **ombak**; bumi mana tak ditimpa hujan
- v. **laut** yang dalam dapat kuduga; inikan pula hati manusia,
- vi. **karam** di darat mudah diselamatkan; **karam** di **laut** siapa yang tahu
- vii. apa dirisau **menyeberang sungai** jika kuat titinya,
- viii. **ikan** di **laut** asam di darat, di dalam kualiti bertemu jua, dan lain-lain

Peribahasa ini menjelaskan bahawa kepekaan dan perenungan mendalam masyarakat dahulu tidak dapat dipisahkan dengan citra laut yang jelas mengupayakan pedoman kepada pengalaman yang sangat dekat dengan kehidupan mereka. Oleh itu, peribahasa yang sarat dengan falsafah, nilai keagamaan, dan etika sekali gus menunjukkan kebijaksanaan, akal budi dan kekayaan budaya bangsa Melayu ini pada hakikatnya selari dengan tuntutan Islam. Dalam Al-Quran, Allah SWT telah menyerapkan pelbagai perumpamaan atau kiasan yang dapat menjelaskan pelbagai persoalan penting tentang

panduan mendidik manusia. Hal ini dapat ditemui dalam firman Allah, iaitu Surah *Al-Ankabut* yang bermaksud;

Dan perbandingan-perbandingan yang demikian itu, Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang berilmu sahaja yang dapat memahaminya.

(Surah *Al-Ankabut*, ayat 43: 2)

Kehidupan masyarakat memiliki budaya Melayu yang sangat rapat dengan hubungannya dengan Islam. Prinsip Islam yang menekankan 'adab' dalam keseluruhan cara hidup (*a way of life*) telah mendorong umatnya untuk menggunakan akal budi secara bijaksana dalam tindak-tanduk kehidupan. Peribahasa yang muncul melalui metafora dapat mencerminkan budaya dan menunjukkan betapa pentingnya pengalaman dan ilmu dalam membuat keputusan atau memberi nasihat. Peribahasa sering digunakan sebagai nasihat dengan pertimbangan lain kerana kata-kata yang terlalu langsung mungkin dapat menyinggung adalah kurang sesuai atau boleh menyakiti hati orang lain. Oleh itu, peribahasa dianggap sebagai cara pengucapan yang halus dan menunjukkan darjat keilmuan seseorang, sesuai dengan tuntutan Islam (Othman, 2023). Justeru, alam lautan yang luas pada hakikatnya adalah lambang kearifan dan kebijaksanaan orang Melayu menggunakan unsur logik, rasionalisasi, falafah dan lambanng kebitaraan ketika berhujah.

Pada adab ke-14, tradisi komunikasi Melayu itu telah bergerak setakah ke hadapan apabila dunia maritim berubah wajah baharu sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Maka, fungsi pelabuhan dan kian luas konsepnya. Ketika itu, masyarakat Melayu mula menyakini dan sedar akan kewujudan satu undang-undang laut bagi mempertahankan kedaulatan negara yang dapat mencorakkan prinsip perlembagaan sesebuah kerajaan. Sehubungan dengan itu, antara peraturan bertulis yang diperkenalkan ialah *Undang-Undang Melaka (Hukum Kanun Melaka (1446-1456 M))* diikuti dengan *Undang-undang Laut Melaka (1511–1641)*, yang dihasilkan pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Kedua-dua kitab itu dikarang secara bertulis ini menjelaskan bahawa bangsa Melayu mempunyai undang-undang dan peraturannya tersendiri. Walau bagaimanapun, setelah orang Melayu menerima Islam secara meluas, bukti-bukti itu, undang-undang atau peraturan pertama yang tertulis dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi (Arab) adalah undang-undang yang ditemui pada 'Batu Bersurat' Terengganu (702H/1303M)). Selepas terbentuknya kerajaan Melayu Melaka, wujud pula *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*. Selepas runtuhnya kerajaan Melayu Melaka terdapat pula *Kanun Pahang* dan *Undang-undang Johor* yang sebenarnya merupakan penyusunan kembali *Undang-undang Melaka*. Undang-undang tersebut terus digunakan oleh kerajaan Melayu lainnya setelah runtuh kerajaan Melaka, termasuklah oleh kerajaan Patani dan Gowa di Sulawesi (Yusof, 1975).

Oleh yang demikian terdapat beberapa versi undang-undang ini yang digunakan di sekitar Kepulauan Melayu. Ada yang tidak berubah daripada versi asalnya, manakala ada yang agak jauh berbeza tetapi masih mengekalkan beberapa ciri undang-undang asal itu. Walau apapun halnya, undang-undang awal dalam bentuk sistem kanun dan terancang adalah bermula daripada asas manifestasi laut yang diolah secara sistematik hingga menjadi kanun dengan menggunakan aturan bahasa dan keindahan sastera (Harun, 2008).

Hukum Kanun Melaka diprakti pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1446M -1456M) tetapi ditulis dan disusun secara teratur pada pemerintahan Sultan Mahmud Syah pada tahun (1489M – 1511M). Kewujudan *Hukum Kanun Melaka* yang mempunyai 44 fasal ini bertujuan untuk melindungi rakyat, kerajaan dan negeri Melaka. Hukum Kanun Melaka mempunyai menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar, pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat, hukuman terhadap kesalahan jenayah awam, undang-undang laut Melaka dan hukum-hukum Islam seperti hukum Hudud serta terpakai secara rasmi bermula pada tahun 1489M. Dturunkan sebahagian contoh petikan yang digunakan dalam *Hukum Kanun* atau *Undang-undang Melaka* ini:

Lima perkara, yang tiada beroleh kita menurut kata itu, melainkan raja yang kerajaan juga. Pertama-tama 'titah', kedua 'berparik', ketiga 'murka', keempat 'karunia', kelima 'anugerah'. Maka segala kata ini tiada dapat kita mengatakan dia. Dan jikalau orang keluaran berkata demikian itu, digocoh hukumnya.
(Harun, 2008)

Dalam contoh lain, penjelasan tentang keselamatan anak kapal dan pedagang yang berdagang dengan kapal yang merangkumi peraturan pelayaran, tatacara jual beli diatas kapal, bidang kuasa nahkoda serta tanggung jawab anak-anak kapal terkandung di dalam *Hukum Kanun Melaka* 44 fasal dan *Undang-Undang Laut Melaka* 25 fasal telah menggariskan peraturan –peraturan yang digubal bagi. Fasal 1 dalam *Undang-undang Laut Melaka* telah menstrukturkan gelaran pegawai dan tugas-tugas bidang maritim serta bidang kuasa masing-masing mengikut tingkat tertinggi dan peringkat paling rendah. Istilah dan gelaran tersebut ialah, 'Nahkoda' merujuk kepada Raja dalam kapal; 'Jurumudi (Malim)' merujuk kepada Bendahara; 'Jurubatu' merujuk kepada Temenggong, hakim dan bertanggung jawab kepada nahkoda; 'Tukang kanan, tukang kiri, tukang agung' merujuk kepada sida-sida di dalam kapal; 'Senawi' merujuk kepada dan tukang yang bertanggungjawab kepada Nahkoda; dan, 'Awak-awak' merujuk kepada orang yang bertugas sebagai tukang (pekerja am).

Sementara dalam Fasal 9, *Undang-undang Laut Melaka*, dijelaskan bahawa tanggungjawab seorang 'Malim (Jurumudi)' ialah ia harus mengetahui selok belok dan seluruh ilmu pelayaran khususnya terhadap keadaan ukuran laut, kedudukan bulan dan bintang, ombak, arus, teluk dan rantau, musim, beting, karang, gunung, kedudukan tanjung bukit dan daratan. *Undang-Undang Laut Melaka* ini membuktikan bahawa ilmu perkapalan merupakan bukti penting tentang ketamadunan Kerajaan Melaka. Bukti-bukti sebegini menjadikan bukti bahawa duia maritim Melayu merupakan nuasa akal fikir dan budi Melayu yang tidak dapat dipisahkan daripada sifat laut yang luas dan dalam dasarnya.

Lanjutan daripada itu, manuskrip Melayu bertulisan jawi yang dihasilkan pada awal kurun ke-15 sehingga awal kurun ke-19 telah membuktikan bahawa manifestasi maritim telah mendominasi latar berlakunya peristiwa-peristiwa penting. Gambaran sejarah dan pemikiran yang terakam dalam manuskrip Melayu merangkumi pelbagai bidang seperti undang-undang, ketatanegaraan, azimat, petua perubatan, kesusasteraan, sejarah, dan kitab agama. Melalui sumber manuskrip Melayu seperti *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* dan *Hikayat Hang Tuah*, secara tidak langsung turut menyumbang data terhadap pelbagai jenis teknologi pengangkutan berasaskan laut seperti perahu, kapal layar, jong, ghali, phinisi/pinisi, pinas, dan bedar. Kreativiti orang Melayu yang sangat tinggi dalam kerja-kerja pembuatan kapal akhirnya

turut diminati dan dikagumi oleh orang asing sehingga mereka turut menempahnya bagi tujuan perdagangan mahupun peperangan. Kepintaran teknologi kapal dan ilmu kelautan ini adalah jelas membuktikan bahawa kearifan tempatan adalah setaraf dengan tamadun dunia yang lain (Halimi, 2006).

'Mendam Berahi' (*Suppressed Passion*) merupakan kapal utama kerajaan Melaka (*flagship*), iaitu sejenis perahu kelas Ghali (غلي) yang dibina oleh tukang kapal Melaka. Pelayaran pertama kapal ini ialah ke Majapahit yang membawa perutusan peminangan Sultan Melaka terhadap Raden Galuh Cendera Kirana (Raden Emas Ayu) anakanda kepada Seri Betara Majapahit. *Hikayat Hang Tuah* mencatatkan bahawa pembinaan kapal ghali ini dirancang dengan baik di bawah pemantauan Bendahara dan Tun Tuah. Hal ini dijelaskan seperti berikut;

"...hendak membangunkan ghali akan kenaikan raja (untuk meminang puteri Majapahit). Adapun panjangnya ghali itu enam puluh gaz (360 kaki kira-kira 5 kali ganda panjang gelanggang tenis) dan bukannya enam depa (36 kaki). Maka Bendahara pun mengerahlah segalatukang utas... Maka segala perbuatan ghali itu dindingnya dibubuh papan kambi, maka ditampalnya dengan beledu yang kuning, merah dan hijau. Maka dibubuhnya kaca kerangan² dan atapnya daripada kaca kuning dan merah dan beberapa jurai awan dan petir. Maka dibubunya ke kuningan dan paterakna dan awan berarak. Antara tiang agung ke buritan itu Bendahara Paduka Raja yang mereka dia, dari haluan datang kepada tiang agung itu Bentara Tun Tuah mereka dia... Maka ghali itu pun sudahlah; indah-indah perbuatannya. Maka kata Bendahara "Apa baik kita namakan ghali ini". Maka sahut Tun Tuah "Pada bicara sahaya dato; baiklah ghali ini dinamai Mendam Berahi."

(Kassim Ahmad, 1966: 95).

Hikayat Hang Tuah susunan Kassim Ahmad mengisahkan sejarah keagungan kerajaan Melaka sebagai pusat pelabuhan maritim terpenting di alam Melayu dan dunia sekitar tahun 1200 SM hingga akhir 1400 SM. Hikayat ini menyingkap kehebatan pelabuhan Melaka dan empayar Melayu yang cemerlang hubungan diplomatik dengan dunia luar. Pada ketika itu, Melaka merupakan kuasa besar perdagangan terpenting yang berjaya menarik kuasa besar dunia mengadakan hubungan diplomatik dan perdagangan. Ketika itu, Melaka turut menjadi pusat penyebaran Islam di rantau ini. Kehebatan yang sama itu turut digambarkan dalam teks *Sejarah Melayu*, iaitu Melaka sebagai empayar Melayu-Islam yang teguh serta stabil berdasarkan susunan politik tradisional yang teratur. Oleh itu, kewujudan *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang menjadi panduan Raja-raja dan para pembesar Melaka telah menjadikan pentadbiran Kerajaan Melaka hebat dan disegani. Hal yang sama juga termaktub dalam *Hikayat Hang Tuah* dan *Thufat al-Nafis*, iaitu menjadi catatan sejarah dan tamadun Melayu menjadi pelengkap kepada peristiwa-peristiwa penting dalam konteks keesahan hirarki dalam sistem sosial masyarakat Melayu di Melaka. Rajah 1 menunjukkan *Sulalatus Salatin* (2019), *Hikayat Hang Tuah* (1981) dan *Tuhfat al-Nafis* (1995) antara teks malar segar yang banyak mengutarakan kehebatan tokoh dan peristiwa penting tentang tamadun laut Melayu.



Rajah 1: Teks Sastera Melayu Bertemakan Tamadun Laut Melayu

Teks dan hikayat yang dimaksudkan ini perlu dikembalikan rohnya supaya jiwa masyarakat kini terutama generasi muda tidak lena dengan kekeliruan yang diperbesarkan oleh Barat tentang kelemahan umat Melayu tidak bijaksana atau malas.

Maritim Dalam Dunia Kesusasteraan Melayu Modern

Memasuki era pascamoden, Kesusasteraan Melayu di Malaysia mula melihat dunia maritim dalam konteks yang lebih berani, mencabar dan menggemparkan. Karya seperti sajak, cerpen, novel, skrip drama mahupun filem dilihat sudah mula keluar daripada aliran konvensional (sastera lisan).

Zahari (1987), menulis puisi bertajuk 'Anak Laut'. Sajak ini mengingatkan pembaca tentang nasib seorang nelayan tua kepada koleknya yang kecil ketika mencari rezeki di tengah lautan. Kolek kecil merupakan imej pengangkutan utama nelayan yang mencari rezeki di laut dengan menangkap ikan, ketam, sotong dan udang. Metafora kolek usang yang tersadai di pasir pantai, samalah juga dengan keadaan nelayan tua, yang miskin. Sajak ini mengutarakan persoalan derita seorang tua yang menghabiskan usianya sebagai nelayan. Laut bagi seorang nelayan adalah sumber rezeki dan nyawanya.

Segar angin laut
 mengembalikan rindunya pada kolek
 bagai buih kecil terapung di air
 menjaring sedikit rezeki
 dan sisik ikan
 kulit ketam
 kepala sotong
 dan
 kaki udang yang bersimpati.

Seperti kolek terdampar di pasir
 menampakkan urat jalur-jalur tua
 anak laut itu sudah dapat menerka
 langkahnya hampir tiba
 pada muara Pencipta.

Sajak berjudul 'Lautan di Waktu Subuh' karya Zaihasra mentafsir laut daripada sudut pandang yang berbeza. Jika sebelum ini laut adalah samudera yang memiliki gelombang, ombak, arus dan warga lautnya, tetapi di tangan penyair ini laut adalah sebuah pengalaman pertama merasai nikmat pernikahan. Jika hal ini dikaitkan dengan dunia maritim tentunya konteks alam maritime itu jauh sekali menyimpang. Walau bagaimanapun menariknya sajak ini ialah bila mana penyairnya dapat mengadaptasikan laut kepada semiotik, metafora dan hiperbola yang lain. Maksudnya di sini ialah dunia maritim itu memiliki batas makna yang lain seperti yang ditanggapi secara asas sebelum ini. Perhatikan kelainan yang dimaksudkan ini;

*Lautan di waktu subuh
ianya tidak mengharukan sepi tidak juga*

*lautan di waktu subuh
ianya tidak bengis tidak juga dahsyat*




*lautan di waktu subuh
ianya seorang gadis yang baru merasai
nikmat keriaan hidup di malam pernikahan
melimpah keriangannya membanjiri jasadnya
nikmat meliputi mempesonakan*

*mahu disuarakan ke seluruh dunia
tapi, dalam genta keriaan subuh itu
ianya malu pabila mengenang sekian
yang mengerikan buat pertama kalinya
namun itulah kemesraan – lembut dan malu!*



*lautan di waktu subuh
ianya gadis yang menghirup rindu
dengan rahsia sebuah malu
lautan di waktu subuh*

*di mana langit dan lautan bertemu di ujungnya
adalah pemandangan yang menakjubkan
riak mengusik gelombang beralun, ombak berteriak!
adalah peralihan waktu, fajar sinar dewasa.*

Sejarah novel moden di Malaysian bermula pada tahun 1910-an. Sejak itu perkembangan genre ini dapat menemukan dunia maritim dengan sastera sangat rapat hubungannya. Kebetulan, pengarang-pengarang novel Malaysia yang berjaya ialah mereka yang berupaya mengetengahkan pemikiran atau tema laut ke dalam karya yang dihasilkan. Sehingga tahun 2022, terdapat enam buah novel yang sarat mengutarakan dunia maritim sebagai gagasannya. Novel-novel tersebut ialah *Panglima Awang* karya Harun Aminurrashid (1958), *Angin Timur Laut* karya S. Othman Kelantan (1969); *Sukma Angin* karya Arena Wati (1999); *Enrique Mengundang Jauh* karya H.M. Tuah Iskandar (2009); *1515* karya Faizal Tehrani (2003) dan *Bedar Sukma Bisu* karya Faizal Tehrani (2013). Rajah 2 di bawah merupakan sebahagian daripada gambar kulit buku novel-novel moden yang dimaksudkan.



Rajah 2: Teks Sastera Melayu Moden Bertemakan Maritim



Rajah 2: (sambungan)

Awang (1958), atau dikenali juga dengan judul *Enrique De Malacca* mengisahkan Panglima Awang sebagai manusia pertama yang berjaya mengelilingi dunia. Kehandalan Panglima Awang sebagai tokoh pelayaran berbangsa Melayu ini terangkum dalam dua buah novel Malaysia, *Awang* (1958), karya Harun Aminurrashid dan *Enrique Mengundang Jauh* (2009), oleh HM Tuah Iskandar. Kedua-dua novel ini mengutarakan Panglima Awang ialah pembantu kepada Ferdinand d' Magellan ketika mengelilingi dunia dengan kapal dagang Barat. Hal ini telah dijelaskan dalam beberapa naskah Eropah seperti *Magellan's Voyage: A Narrative Account of the First Circumnavigation* tulisan Antonio Pigafetta; *Portuguese Documents on Malacca* oleh MJ Pintado; dan *The World Book Encyclopedia Volume 13* (1996). Panglima Awang dikisahkan mula belayar menyertai pasukan lima buah kapal; Conception, Trinidad, Victoria, Santiago dan San Antonio dari Sepanyol yang diketuai oleh F. Magellan dalam ekspedisi Armada Maluku. Meskipun ekspedisi tersebut menerima kegagalan di Cebu, Filipina dengan terbunuhnya Ferdinand Magellan tetapi salah sebuah kapal, iaitu Victoria berjaya balik ke Sepanyol dan dikatakan Panglima Awang sendiri yang mengemudikan kapal tersebut (Harun, 2008).

Sementara itu, dalam novel tulisan HM Tuah Iskandar, beliau menyatakan bahawa Panglima Awang pulang ke Sepanyol dan berkahwin dengan Miriam, adik Ferdinand d' Magellan. Panglima Awang telah membuka penempatan baharu bernama Malaga berhampiran Lisbon sebelum balik ke Tanah Melayu, iaitu di Sumatera, negeri asal kelahirannya.

Kedua-dua novel ini dilihat berjaya mengetengahkan latar maritim dunia daripada pelbagai perspektif. Karya ini berjaya meletakkan unsur patriotisme sebagai landasan berkarya. Kesahihan fakta tidak begitu ditekankan sebaliknya hal yang penting ialah kisah Panglima Awang sebagai legasi alam maritim Melayu yang hebat dan gagah perlu diberi perhatian oleh pelbagai pihak khususnya bangsa Melayu di Nusantara.

Laut (1969), karya S. Othman Kelantan mengutarakan latar kehidupan nelayan pesisir pantai di Pantai Sabak yang berjuang dan bertarung hidup dalam mencari rezeki. Paparan terhadap pelbagai dugaan yang menimpa disusun dengan indah oleh pengarang. Lebih

menarik lagi, pengarangnya dengan berani telah menimbulkan kesan penderitaan ketika musim tengkujuh melanda dan mewujudkan ketegangan dalam kancah jumud terhadap fahaman kepartian (politik). Jalinan cerita yang lancar menyebabkan novel ini berjaya menjentik minda, terutamanya dalam konteks latar sosiobudaya Timur yang masih mengamalkan budaya kurafat. Gambaran nasib nelayan pesisir dan kegigihan merungkai derita kaum nelayan ketika menghadapi angin timur laut, penindasan lintah darat serta manusia berkepentingan yang tidak kenal belas kasihan menjadikan latar masyarakat nelayan itu sangat menarik. Saleh sebagai watak utama novel ini telah berjuang mencari nafkah untuk isteri dan anak-anaknya. Dia gigih mengharungi semua rintangan dan cabaran sekeliling. Persoalan kemiskinan yang menunjangi novel ini seperti lubang gelap yang tidak mempunyai jalan keluar. Malah kemiskinan yang keterlaluan itu telah menukarkan watak-wakat manusia menjadi seperti haiwan yang hilang pertimbangan kemanusiaannya.

Angin (1999), karya Arenawati mengisahkan keluarga pelaut sejati dan dihormati oleh masyarakat Kalumpang. Novel ini sarat dengan sikap manusia yang ingin mengekalkan kuasa dan menindas orang yang lemah. Watak utamanya, iaitu Nakhoda Supuk yang mula hilang kepercayaan kepada rakan karibnya kerana ingin mewariskan kapal Sukma Angin kepada anaknya. Akhirnya kerana perasaan tamak itu kapal Sukma Angin yang menjadi lambang kehebatan kapal di laut terpaksa berhadapan dengan tentera Jepun yang ingin menguasai Singapura.

Novel *1515* (2003), karya Faisal Tehrani bertolak daripada sejarah keramat kejatuhan kerajaan Melayu Melaka di tangan benggali putih. *Alfonso de Albuquerque*, seorang wizurai perkasa bertemu ajal di hujung pedang srikandi Melaka. Watak utama novel ini, iaitu panglima laksamana Melaka bernama Nyemah (Tun Nyemah Mulya) merupakan perawan usia 15 tahun. Perwatakannya luar biasa, handal, licik, penuh makar, berbudi, tegar telah mewajarkan menjadi nakhoda armada Nusantara dengan kekuatan 100 bahtera perang berisi lebih 60,000 tentera. Kehebatannya membelah laut segera dengan 2 misi, iaitu pertama untuk mengotakan janji membunuh *Albuquerque* serta mengebumikan jasadnya di Lisbon; dan kedua, menakluk Portugal.

Novel ini menyorot kisah pahlawan Melayu yang dapat menguasai laut antarabangsa dengan bukti sejarah dan mencari hakikat keagungan bangsa yang dipadam secara terancang. Kisah-kisah kehebatan dunia maritim Melayu melalui pengkisahan getir di medan tempur; filsafat cinta; menjulang luhur pengorbanan perempuan srikandi, perempuan isteri adalah kisah feminisme yang menjadikan laut sebagai pendokong latar utama penceritaan.

Bisu (2013), juga karya Faisal Tehrani menyajikan sebuah karya yang sarat dengan falsafah laut, bedar, perniagaan, perang, cinta, tauhid, peradaban dan sejarah luka yang memukau rasa pembaca. *Bedar* novel ini mengangkat kisah pelayaran menyusuri Nusantara yang agam gemilang oleh ketamadunan Melayu Islam *Sukma Bisu* mendokong kisah sebuah semenanjung tanah emas yang dikelilingi oleh lautan perak berkilauan. Novel dikuatkan dengan kebijaksanaan Wefada seorang nakhoda wanita yang tidak pernah lelah berlayar sejak zaman kanak-kanak lagi. Dia berasal dan dibesarkan daripada keluarga berlatarbelakangkan lautan yang bergelora di permukaan tetapi tenang di dalam. Wefada digambarkan sebagai seorang yang mengerti, mengapa alam emas ini sering menjadi rebutan, menjadi tarikan dan

tumpuan orang luar. Pengarang berjaya menjadikan bedar sebagai lambang tamadun dan kegemilangan yang sentiasa subur dalam sejarah.

Paparan dunia maritim dalam novel ini seakan menjadikan kita perlu sedara bahawa kapal dan nakhoda adalah dua simbol penting dalam usaha menjadi peneraju kuasa atau negara. Lautan yang sifat alaminya bergelora atau tenang di permukaan dan berkocak di dalam perlu dijadikan teladan yang patut dijadikan ikhtibar.

Dalam dunia filem pula, terdapat dua buah filem yang boleh dibincangkan. Pertamanya ialah filem *Seri Mersing* (1961) dan filem berjudul *Pulang* (2015):



Rajah 3: Contoh Filem Melayu yang Berlatarkan Dunia Maritim

Filem *Sri Mersing* (1961), karya Saleeh Ghani merupakan salah sebuah filem yang sepenuhnya menggunakan pesisiran pantai dan kehidupan nelayan sebagai latar layarnya. Filem ini diterbitkan di Singapura. Filem *Sri Mersing* arahan Salleh Ghani dihidupkan oleh Nordin Ahmad sebagai watak utama. Ia mengisahkan Damak, seorang pemuda juga perantau yang ingin memulakan hidup baharu di Mersing. Perwatakannya yang jujur dan ikhlas telah memikat hati Sri, gadis cantik di kampung itu. Damak terpaksa berhadapan dengan Awang Sulung, teruna kampung yang jahat. Awang membuat fitnah sehingga memaksa Damak pindah dari kampung tersebut. Walaupun Pak Malau, ayah Sri cuba memujuk Damak dan keluarganya setelah Pak Malau mendapat tahu bahawa Awanglah sebenarnya yang menjadi dalang di sebalik kehilangan Sri. Damak tetap dengan pendiriannya untuk meninggalkan Mersing. Kehebatan filem ini bergantung kepada satu rangkap pantun Melayu yang indah maksudnya, iaitu;

*Kajang Pak Malau kajang berlipat,
Kajang saya mengkuang layu;
Dagang Pak Malau dagang bertempat,
Dagang saya menumpang lalu.*

Pulang (2015), karya Kabir Bhatia berlatarbelakangkan kampung nelayan tahun 1940-an. Watak utama, iaitu Othman merupakan seorang kelasi kapal yang ingin mengubah nasib dan kehidupan keluarganya dengan menjadi pelayar. Dia berjaya menumpang sebuah kapal

dagang Eropah. Nasibnya beruntung sehingga dapat mengikuti pengembaraan berlayar ke merata dunia. Pada 1941, Othman ditangkap oleh Jepun ketika Jepun menjajah Malaya. Peristiwa itu menyebabkan Che Tom (isteri Othman) terpaksa berpisah dengan suami tercinta. Setelah bebas dari tahanan, Othman meneruskan kehidupannya sebagai pengembara untuk mencari kekayaan untuk isterinya Che Tom dan anak lelaki mereka, Omar. Suatu hari berita kapal yang ditumpangi Othman diberitakan telah karam dan Othma dikatakan telah mati. Hal ini menyebabkan Che Tom berkahwin lain dan Othman telah membawa diri dan memilih untuk menetap di Liverpool. Masa bergerak pantas. Omar meningkat dewasa dan belajar di London. Tanpa diduga, Omar berjaya menjejaki Othman.

Kedua-dua filem ini bergerak dalam latar budaya Melayu pinggir laut yang didewasakan oleh pengalaman laut. Watak-watak yang diketengahkan sangat jelas dapat memberi wajah kepada kehidupan sebenar manusia bertaraf maritim.

Berdasarkan kepada hal-hal yang dijelaskan, dapat dirumuskan bahawa maritim dan alam Melayu merupakan dua roh yang saling bertaut sakralnya. Hubungan itu saling melengkapi dan dapat dizahirkan begini;

- 1) daya imaginasi masyarakat maritim adalah tinggi dengan terhasilkan khazanah bahasa dan sastera yang sangat kreatif
- 2) dunia maritim membawa perubahan kepada sistem sosial kerana pola hidup yang bersifat terbuka, berani meneroka bidang baharu dengan mengeksploitasi segala sumber dan pengetahuan dunia luar
- 3) memiliki kepakaran dalam bidang ilmu maritim dan astronomi (perkapalan dan ilmu cakerawala)
- 4) terbukti pernah menjadi/ memiliki kota/ negeri yang hebat, maju dan cemerlang, kuat dan terkenal di seluruh dunia sebagai pusat perdagangan/ pelabuhan
- 5) fenomena sosiobudaya sangat unik hidup sebagai satu kuasa besar yang hebat di wilayah Timur
- 6) medan pertemuan dan pusat penyebaran agama (Islam)

Limitasi Kajian Dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian-kajian dan tulisan oleh pengkaji berkaitan dengan isu dunia maritim dalam karya Kesusasteraan Melayu adalah sangat terbatas malah terhad kepada teks-teks malar segar tertentu terutama karya-karya klasik seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Raja-raja Pasai*, dan *Sulalatus Salatin*. Hal ini bukan disebabkan oleh kekurangan dokumen atau manuskrip yang relevan sebaliknya ruang dan peluang membicarakan teks-teks agung yang terhad ini menyebabkan analisis yang mendalam tidak dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya. Keterbatasan kajian dalam hubungan interdisiplin juga menjadi faktor penting yang tidak didokong semangat kolaborasi antara bidang seperti sejarah, antropologi, dan kesusasteraan yang lebih menyeluruh.

Perubahan Zaman sepatutnya tidak dilihat sebagai faktor pengekan dalam usaha memperkasakan teks kesusasteraan dapat mencerminkan konteks sosial dan budaya zaman lampau yang mungkin kurang relevan atau sukar difahami dalam konteks moden. Dalam hal ini, interpretasi terhadap elemen maritim dalam kesusasteraan Melayu yang bersifat simbolik dan metaforik itu perlu dianalisis secara terbuka bersandarkan kepada konteks budaya dan sejarah yang mungkin berubah-ubah.

Oleh itu, sudah sampai waktunya, teks kesusasteraan ini diterjemah ke bahasa Inggeris mahupun bahasa-bahasa lain bagi memperlihatkan bahawa mutu dan pemikiran pengarang teks sastera itu dapat diakses oleh pembaca antarabangsa. Dalam hal ini, digitalisasi manuskrip lama dan penggunaan teknologi seperti analisis teks digital dapat membuka peluang untuk memahami pola tema maritim dalam pelbagai teks dan pengkajian konteks budaya Melayu melalui analisis rentas budaya, serta falsafah dunia maritim kesusasteraan Melayu dapat membongkar lebih banyak rahsia masyarakat yang bersosialisasikan laut, pelabuhan, dan perdagangan antarabangsa yang hebat di tanah Melayu pada suatu waktu dahulu.

Kesimpulan

Masyarakat Melayu khususnya yang mendewasa sebagai bangsa maritim mempunyai sejarah yang agung. Kehebatan yang terbukti dalam banyak catatan sejarah dunia telah membuktikan bahawa bangsa Melayu bukan bangsa yang mundur seperti tanggapan Barat. Ketajaman pemikiran, akal budi, daya kreatif dan falsafah hidup yang tinggi tidak sekadar bersandarkan pengalaman alam laut semula jadi tetapi juga bersandar kepada budaya serta pegangan agama yang kukuh (Zainal Abidin Ahmad, 1984). Hakikatnya, kebitaraan tempatan atau *local wisdom* yang dimiliki bermula daripada peribahasa hinggalah kepada teks moden itu merupakan satu manifestasi ketelitian daripada perenungan pengarang. Karya yang dihasilkan itu akhirnya telah dijadikan sumber rujukan, panduan bagi melengkapkan kefahaman harfiah terhadap kandungan falsafah yang tersirat daripada latar maritim Melayu. Sehubungan dengan itu, adalah sangat jelas bahawa akal budi teori sosiologi sastera yang tersirat dapat membuktikan bahawa karya-karya sastera oleh pengarang Melayu adalah hebat.

Oleh itu, dalam ruang lingkup alam Melayu Malaysia, dunia maritim yang sangat luar biasa dan mempunyai sejarah kegemilangan yang tersendiri menjadi bukti bahawa pengarang Melayu berupaya menjelmakan manifestasi maritim sebagai salah satu pemikiran yang tinggi nilainya. Justeru, kesusasteraan merupakan wadah penting yang dapat menghalusi makna laut sebagai simbol ikonik dalam karya waima pemikiran pengarang.

Rujukan

- Ahmad, S. (2008). *Sulalatus salatin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof, A. R. (1975). *Sosiologi sastera dan sumbangannya dalam penelitian kesusasteraan Malaysia*. Dewan Bahasa (p. 651-664).
- Halimi, A. J. (2006). *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka abad Ke-14 hingga abad ke-18*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wati, A. (1999). *Sukma angin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tehrani, F. (2003). *1515*. Utusan Publication & Distrubutor.
- Tehrani, F. (2013). *Bedar sukma bisu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang, H. (2018). *Kritikan kesusasteraan teori dan penulisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, H. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Aminnurashid, H. (1958). *Panglima Awang*. Buku Punggok.
- Iskandar, H. T. (2009). *Enrique mengundang jauh*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubutor.

- Fanany, I. & Fanany, R. (2003). *Wisdom of the Malay proverbs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun, J. (2008). *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam perbandingan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad, K. (1966). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhatia, K. (2015). *Filem Pulang*. Kuala Lumpur: Primeswork Studio.
- Hui, L. K. (2003). *Budi as the Malay mind: A philosophical study of Malay ways of reasoning and emotion in peribahasa*. Tesis Doktor Falsafah (bahan tidak terbit). University of Hamburg.
- Sikana, M. (2005). *Teori dan kritikan sastera: Malayisa dan Singapura*. Pustaka Karya.
- Hassan, M. M. (1991). *Sosiologi sastera*. Universiti Malaya.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haji, R. A. (1998). *Tulfat al-nafis*. Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, R. (2011). Kesisteman metafora dalam makna simpulan bahasa: Satu analisis semantik. Tesis Doktor Falsafah (bahan tidak terbit). Universiti Kabangsaan Malaysia.
- Zahari, R. (1987). *Sekepal tanah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kelantan, S. O. (1969). *Angin Timur Laut*. Pustaka Dian.
- Jaafar, S. (2005). Fungsi leksikal bunga dan laut dalam simpulan bahasa dan peribahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 40-66.
- Ghani, S. (1961). *Filem Seri Mersing*. Show Brothers.
- Shaffer, L. N. (1996). *Maritime southeast asia to 1500*. Sharpe Inc.
- Effendy, T. (2003). *Peribahasa dalam Kehidupan orang Melayu*. GAPENA.
- Junus, U. (1986). *Sosiologi sastera: Persoalan teori dan metode*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah, Z. A. Z. & Hassan, A. F. M. (September, 2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu, *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.
- Ahmad, Z. A. (1984). *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka.